

Sinar Harian (M/s 24) 4/7/2018

Dunia iktiraf peranan Angkasa

Negara peserta ICA minat dalam model koperasi sekolah

AIMAN SADIQ ABDULLAH

BENTONG

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) mendapat pengiktirafan dunia selepas diberi tanggungjawab mempromosikan konsep koperasi sekolah kerana berjaya membangunkannya di Malaysia.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pada mesyuarat Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) di Brussels, Belgium dua

minggu lalu Angkasa diminta mempromosikan konsep koperasi sekolah kepada 105 negara yang menyertai ICA.

Menurutnya, banyak negara menyatakan minat untuk melihat model koperasi sekolah di negara ini termasuk Brazil dan India yang akan berkunjung dalam tempoh terdekat.

"Ia merupakan satu pengiktirafan apabila Malaysia turut menjadi antara 15 ahli lembaga ICA diminta mempromosikan dan menjadi model koperasi sekolah kepada negara terbabit.

"Pemilihan kita adalah kerana Malaysia mula menubuhkan koperasi sekolah pada 1968 berjaya mentransformasikan koperasi ke tahap tertinggi sehingga ada yang mencapai perolehan tahunan lebih RM1 juta," katanya kepada media sem-



Abdul Fattah (berdiri, dua kanan) bergambar bersama tetamu yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Angkasa Pahang Zon 3, semalam.

pena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Angkasa Pahang Zon 3 di sini, semalam

Turut hadir, Naib Presiden

Angkasa, Mohamad Azmi Omaruddin dan Pengerusi Angkasa Zon 3 Pahang, Datuk Syed Ali Syed Mohamad.

Abdul Fattah berkata,

pihaknya akan terus menggiatkan kempen dan juga video bagi menggalakkan penubuhan koperasi sekolah di seluruh dunia.

info

Terdapat 2,443 koperasi sekolah di seluruh negara membabitkan kira-kira 2 juta ahli

"Kita akan terus menerima kunjungan dan lawatan daripada wakil negara luar kerana ingin melihat model koperasi sekolah yang berjaya. Mereka kagum dengan kejayaan ini," katanya.

Katanya, pada masa ini terdapat 2,443 koperasi sekolah di seluruh negara membabitkan kira-kira 2 juta ahli.

Tambahnya, daripada jumlah itu lima koperasi sekolah antara dikenal pasti berjaya mencapai tahap tertinggi apabila merekodkan perolehan tahunan melebihi RM1 juta.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA